



KERTAS KONSULTASI AWAM BAGI BAJET 2022

**Penambahbaikan Dasar Perolehan
Kerajaan Berkaitan Barangan/
Perkhidmatan Tempatan dan
Bumiputera**

Kementerian Kewangan Malaysia

3 September 2021

KERTAS KONSULTASI AWAM BAGI BAJET 2022

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DASAR PEROLEHAN KERAJAAN BERKAITAN BARANGAN/ PERKHIDMATAN TEMPATAN DAN BUMIPUTERA

Kementerian Kewangan menjemput maklum balas bertulis ke atas cadangan yang dibentangkan di dalam kertas konsultasi awam ini. Maklum balas boleh dikemukakan selewat-lewatnya pada 5.00 petang, 15 September 2021 (Rabu).

Maklum balas yang dikemukakan akan digunakan di dalam pelbagai forum perbincangan anjuran Kementerian Kewangan atau pihak yang diberi kebenaran oleh Kementerian Kewangan. Sekiranya maklumat seperti nama tidak mahu disiarkan kepada umum, sila nyatakan secara jelas di dalam maklum balas yang dikemukakan.

Salinan tambahan kertas konsultasi awam ini boleh dimuat turun dan maklum balas boleh dikemukakan melalui pautan yang disediakan di portal rasmi Kementerian Kewangan www.mof.gov.my

Sebarang soalan atau keperluan maklumat lanjut berkenaan kertas konsultasi awam ini boleh dikemukakan kepada konsultasi.bajet2022@mof.gov.my

Sumbangan tuan/puan adalah dihargai, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

	Perkara	Muka Surat
1.	Objektif	1
	PENGUATKUASAAN DASAR PENGGUNAAN BARANGAN/ PERKHIDMATAN TEMPATAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN	
2.	Latar Belakang	2
3.	Isu Berbangkit	3
4.	Cadangan Penambahbaikan	5
5.	Jangkaan Impak	9
6.	Rumusan	10
7.	Soalan dan Maklum Balas	10
	MEMPERKASA KEUPAYAAN SYARIKAT BUMIPUTERA MELALUI PENAMBAHBAIKAN DASAR DAN PERATURAN PEROLEHAN KERAJAAN	
8.	Latar Belakang	12
9.	Isu Berbangkit	15
10.	Cadangan Penambahbaikan	16
11.	Jangkaan Impak	25
12.	Rumusan	26
13.	Soalan dan Maklum Balas	26

1. OBJEKTIF

1.1. Kertas konsultasi ini menggariskan cadangan penambahbaikan ke atas dasar perolehan Kerajaan berhubung dua perkara berikut:

i. **Penguatkuasaan dasar penggunaan barangan/perkhidmatan tempatan dalam perolehan Kerajaan.** Objektif cadangan adalah:

- a. Melindungi dan membangunkan industri tempatan serta ekonomi domestik dengan menambah baik penguatkuasaan Dasar Barangan/Perkhidmatan Tempatan dalam perolehan Kerajaan; dan
- b. Mengurangkan kebergantungan kepada barangan import dan meningkatkan peluang pekerjaan dengan mengenal pasti sektor strategik tempatan yang berpotensi untuk diberi keutamaan dalam perolehan Kerajaan.

ii. **Pemeriksaan pelaksanaan dasar keutamaan syarikat Bumiputera dalam perolehan Kerajaan.** Objektif cadangan adalah:

- a. Menyokong matlamat meningkatkan keterangkuman (*inclusivity*) komuniti demi membina semula daya tahan (*rebuilding resilience*) negara; dan
- b. Menyokong matlamat Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB 2030) demi mempercepatkan pembangunan sosioekonomi Bumiputera, meningkatkan daya tahan dan kemampuan syarikat Bumiputera serta menambah baik tadbir urus keberhasilan Bumiputera.

**A. PENGUATKUASAAN DASAR PENGGUNAAN BARANGAN/
PERKHIDMATAN TEMPATAN DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

2. LATAR BELAKANG

2.1. Kementerian Kewangan (MOF) telah menguatkuasakan Dasar Penggunaan Barangan/Perkhidmatan Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil. 4 Tahun 1996 sebagai antara inisiatif untuk mengurangkan defisit imbangan pembayaran negara dengan meningkatkan penggunaan barang buatan Malaysia selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 6 September 1995.

2.2. Dasar tersebut telah dikuatkuasakan melalui Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 1.1/Perenggan 6(i) yang menetapkan pelaksanaannya seperti berikut:

- i. Agensi Kerajaan bertanggungjawab memastikan barangan/perkhidmatan tempatan digunakan sepenuhnya dalam perolehan Kerajaan;
- ii. Definisi barangan tempatan adalah berdasarkan aktiviti pengilang oleh pengilang tempatan;
- iii. Senarai barangan/ bahan tempatan boleh dirujuk kepada senarai yang dikeluarkan oleh IKRAM QA Services Sdn Bhd (IKRAM QAS) atau SIRIM QA Services Sdn Bhd (SIRIM QAS) mengikut mana yang berkenaan;
- iv. Pengimportan hanya boleh dipertimbangkan oleh Pegawai Pengawal sekiranya tiada barangan buatan tempatan atau berlaku kekurangan di peringkat nasional; dan
- v. Tindakan sewajarnya boleh diambil ke atas sebarang ketidakpatuhan penggunaan barangan/bahan tempatan oleh syarikat.

- 2.3. Pada tahun 2020, Kementerian Kewangan telah melaksanakan lawatan pematuhan ke Kementerian/Agensi bagi mengkaji tahap pematuhan pelaksanaan dan cabaran pelaksanaan dasar barangan/perkhidmatan serta mendapatkan maklum balas daripada agensi pelaksana.
- 2.4. Selain itu juga, beberapa sesi libat urus bersama pihak berkepentingan di sektor awam dan swasta telah diadakan bagi membincangkan keberkesanan pelaksanaan dasar tersebut.

3. ISU BERBANGKIT

- 3.1. Berdasarkan lawatan pematuhan dan sesi libat urus yang dilaksanakan, beberapa isu pelaksanaan telah dikenalpasti seperti berikut:
 - i. Perbezaan takrifan barangan/perkhidmatan tempatan oleh pelbagai agensi seperti MOF, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang menyebabkan kecelaruan kepada pencapaian dasar, seperti pelabelan semula dan pecah pukal yang dianggap sebagai barangan tempatan sungguhpun tiada nilai tambah;
 - ii. Ketiadaan pusat rujukan setempat maklumat barangan/perkhidmatan tempatan yang menyukarkan rujukan oleh agensi pelaksana perolehan untuk membangunkan spesifikasi;
 - iii. Kelemahan kawalan apabila kuasa Pihak Berkuasa Melulus perolehan barangan import dalam perolehan Kerajaan dipindahkan daripada MITI kepada Pegawai Pengawal;
 - iv. Perbezaan harga yang ketara antara barangan tempatan dan import yang merupakan antara faktor utama agensi Kerajaan membuat pembelian barangan import disebabkan oleh kekangan peruntukan.

Berdasarkan rekod Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), permohonan perolehan barangan import yang merangkumi peralatan perubatan, ubat-ubatan, reagen dan produk susu telah meningkat daripada 2,025 pada tahun 2014 kepada 5,330 pada tahun 2019. Selain itu, isu berbangkit juga timbul berkenaan harga produk perubatan tempatan yang terlalu tinggi iaitu sehingga mencecah dua kali ganda jika dibandingkan dengan harga produk import; dan

- v. Tadbir urus yang longgar apabila tiada agensi pusat yang dipertanggungjawabkan untuk memantau dan melaksanakan penguatkuasaan dasar.

3.2. Isu tersebut dan cadangan penyelesaian telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri melalui Memorandum Jemaah Menteri: Pelan Tindakan Perolehan Kerajaan pada 13 November 2020 yang antara lain telah bersetuju dengan inisiatif untuk menambah baik Dasar Barangan/Perkhidmatan Tempatan dalam perolehan Kerajaan seperti berikut:

- i. *Rules of Origin* (ROO) dijadikan sebagai asas takrifan barangan tempatan dengan pewujudan sistem yang berpusat bagi menguruskan pensijilan *Certificate of Origin Malaysia* (COM) atau Sijil Tempasal Malaysia (STeM) berdasarkan kriteria yang ditetapkan;
- ii. Penetapan takrifan perkhidmatan tempatan yang ditawarkan oleh syarikat yang didaftarkan di Malaysia berdasarkan peratus tertentu guna tenaga sepenuh masa adalah rakyat Malaysia atau penetapan peratus ekuiti yang dimiliki oleh rakyat Malaysia;
- iii. Penambahbaikan platform data sedia ada di bawah seliaan *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), seperti *i-Manufacturing* dan *i-Services* atau ePerolehan di bawah MOF sebagai pusat data setempat bagi barangan/perkhidmatan tempatan;

- iv. Pegawai Pengawal dikekalkan sebagai Pihak Berkuasa Melulus perolehan barangan/perkhidmatan import dengan penambahbaikan ke atas keanggotaan Jawatankuasa Pelulus barangan import di peringkat Kementerian/Agensi agar turut merangkumi wakil yang memiliki pengetahuan dan kepakaran mengenai kewujudan barangan/perkhidmatan tempatan bagi perolehan yang dirancang Agensi;
 - v. Pengenalan Keutamaan Harga (*Margin of Preference - MOP*) bagi barangan/perkhidmatan tempatan mengikut sektor dalam proses penilaian; dan
 - vi. Agensi penyelaras pusat dikenalpasti untuk melaksanakan penyelarasan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan melalui badan penarafan seperti KPDNHEP, MIDA, IKRAM QAS dan SIRIM QAS.
- 3.3. Susulan daripada keputusan Jemaah Menteri tersebut, persetujuan telah dicapai antara MOF, MITI dan KPDNHEP mengenai pengeluaran pensijilan STeM oleh KPDNHEP berdasarkan kerangka dan mekanisme pemberian logo taraf Buatan Malaysia sedia ada bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pihak industri mengenai pengeluaran STeM.

4. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Menambahbaik Program Perjanjian *Off-Take* Bagi Sektor Penjagaan Kesihatan

- 4.1 Melihat kebergantungan KKM kepada produk import yang semakin meningkat termasuk ubat dan peranti perubatan, Program Perjanjian *Off-Take* Ubat dan Peranti Tempatan sedia ada di bawah KKM boleh

dimanfaatkan dengan mempelawa penyertaan syarikat pembuat yang baharu.

- 4.2 Buat masa ini, Program Perjanjian *Off-Take* yang telah dilaksanakan dilihat kurang memuaskan dengan objektif bagi membantu sektor penjagaan kesihatan tempatan berkembang dan berdaya saing di peringkat antarabangsa melalui eksport ke luar negara kurang berjaya;
- 4.3 Pada masa yang sama, terdapat keperluan untuk memperkukuhkan lagi sektor penjagaan kesihatan negara bagi memastikan negara dapat menangani sebarang situasi pandemik seperti COVID-19 dengan lebih cekap dan berkesan pada masa hadapan melalui pengeluaran ubat dan peralatan kesihatan tempatan;
- 4.4 Sehubungan itu, pelaksanaan Program Perjanjian *Off-Take* oleh KKM boleh ditambahbaik seperti berikut:
 - i. Mengenalpasti item khusus yang perlu diberi keutamaan pembeliannya dalam kalangan pembuat tempatan;
 - ii. Menetapkan kriteria penyertaan syarikat pembuat yang membolehkan syarikat yang benar-benar berpotensi dapat dikenalpasti;
 - iii. Mewujudkan program pembangunan yang berstruktur kepada syarikat berkeelayakan berdasarkan tempoh tertentu bagi meningkatkan pertumbuhan, daya saing serta kemampuan syarikat seperti berikut:
 - a. Memperkenalkan sasaran prestasi seperti pengurangan kos, peningkatan kualiti produk dan peningkatan pendapatan daripada kontrak swasta; dan

- b. Menkuatkuasakan polisi graduasi (*graduation policy*) berdasarkan pencapaian sasaran prestasi bagi membolehkan matlamat syarikat berkembang di peringkat antarabangsa boleh dicapai dan mewujudkan persaingan yang lebih terbuka kepada syarikat lain yang berminat dan komited dengan sasaran yang ditetapkan.

- iv. Pelaksanaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan penawaran insentif/geran oleh Kerajaan.

Memperkenalkan Keutamaan Harga (*Margin of Preference – MOP*) Bagi Barangan/ Perkhidmatan Tempatan

- 4.5 Pada masa ini, walaupun dasar keutamaan barangan/perkhidmatan tempatan telah menetapkan penggunaan sepenuhnya barangan/perkhidmatan tempatan dalam perolehan Kerajaan, namun atas faktor perbezaan harga yang ketara telah menyebabkan agensi melaksanakan perolehan barangan import bagi memenuhi keperluan terutama dalam sektor penjagaan kesihatan negara;
- 4.6 Mengambil kira amalan tersebut dan memandangkan kurangnya pengeluar tempatan pada masa ini, Kerajaan hendaklah menetapkan kadar harga premium yang sanggup dibayar oleh Kerajaan ke atas pembelian barangan/perkhidmatan tempatan tersebut;
- 4.7 Sehubungan itu, dicadangkan agar MOP bagi barangan/perkhidmatan tempatan diwujudkan berdasarkan peratusan tertentu mengikut sektor. Pegawai Pengawal sebagai Pihak Berkuasa Melulus pembelian barangan import hanya boleh menimbangakan pembelian barangan import sekiranya harga barangan tempatan lebih tinggi berdasarkan peratusan tersebut.

Menambahbaik Tadbir Urus Dasar Barangan/Perkhidmatan Tempatan

4.8 Bagi menyelesaikan isu berkaitan tadbir urus termasuk keperluan untuk mewujudkan takrifan universal, pusat rujukan setempat dan penguatkuasaan, cadangan berikut boleh dilaksanakan:

- i. Mewujudkan Satu Takrifan Barangan/Perkhidmatan Tempatan Yang Standard

Berdasarkan persetujuan bersama, KPDNHEP akan mengambil tanggungjawab sebagai agensi penyelaras pusat bagi mengeluarkan pengiktirafan/logo Buatan Malaysia berdasarkan kriteria STeM terutamanya berkaitan peratus kandungan bahan mentah tempatan.

Buat masa ini kriteria pengiktirafan Buatan Malaysia adalah berdasarkan 51% bahan/kandungan tempatan manakala pengeluaran STeM berdasarkan pengiraan ROO hanyalah 40% bahan/kandungan tempatan.

Sehubungan itu, penambahbaikan kriteria ini akan mengembangkan lagi direktori produk di bawah logo barangan Malaysia. KPDNHEP telah mencadangkan agar penandaan logo barangan Malaysia diperbaharui dengan klasifikasi seperti berikut:

Penandaan Logo		Definisi	Kandungan/ Bahan Tempatan
1	Produk Malaysia	Produk syarikat tempatan yang dikilang/diproses di Malaysia	Minima 40%
2	Buatan Malaysia	Produk syarikat tempatan yang dikilang/diproses di Malaysia	Kurang daripada 40%
		Produk syarikat asing yang dikilang/diproses di Malaysia	Akan ditentukan kelak
3	Jenama Malaysia	Produk syarikat tempatan yang dikilang/diproses di luar Malaysia	Akan ditentukan kelak
4	Perkhidmatan Malaysia	Syarikat tempatan yang menawarkan perkhidmatan di Malaysia.	Akan ditentukan kelak

Selaras dengan penetapan satu takrifan universal ini, satu pangkalan data/pusat rujukan setempat perlu diwujudkan bagi memudahkan pihak industri dan juga agensi Kerajaan dalam melaksanakan perolehan.

Selain itu, melalui kerangka perundangan sedia ada, penguatkuasaan dasar barangan/perkhidmatan tempatan dalam perolehan Kerajaan boleh dilaksanakan oleh KPDNHEP dengan cekap dan berkesan.

5. JANGKAAN IMPAK

- 5.1 Melalui penambahbaikan Program Perjanjian *Off-Take*, Kerajaan akan dapat membantu pertumbuhan dan pembangunan syarikat tempatan dalam sektor kesihatan serta seterusnya meningkatkan kemampuan negara dalam menangani isu kesihatan awam pada masa hadapan dengan lebih cekap dan berkesan di samping memperolehi nilai faedah terbaik.
- 5.2 Penetapan dasar keutamaan harga (MOP) kepada barangan tempatan mengikut sektor diharap akan dapat mengimbangi isu peluang barangan/perkhidmatan tempatan dan beban kewangan kepada Kerajaan. Kepentingan pelaksanaan kesemua inisiatif berkaitan barangan tempatan tersebut dijangkakan akan dapat merapatkan jurang perbezaan harga di antara barangan tempatan dan import.
- 5.3 Buat masa ini, logo Buatan Malaysia yang dikeluarkan oleh KPDNHEP hanya merangkumi kategori perusahaan kraf, fesyen, makanan dan minuman, kecantikan dan kesihatan, kelengkapan rumah dan perkhidmatan yang lebih menjurus kepada pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sahaja. Melalui penambahbaikan yang dicadangkan, pemakaian logo tersebut akan diperluaskan bukan sahaja bagi tujuan perolehan Kerajaan, malah untuk tujuan eksport memandangkan kriteria yang akan diguna pakai adalah selaras dengan pengiraan ROO oleh MITI.

- 5.4 Selain itu, pewujudan satu pangkalan data/pusat rujukan setempat mengenai barangan tempatan akan membolehkan agensi Kerajaan dan industri membuat rujukan dalam melaksanakan perolehan Kerajaan seterusnya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perolehan Kerajaan selain meningkatkan penggunaan barangan/perkhidmatan tempatan.

6. RUMUSAN

- 6.1. Kerajaan sentiasa komited dalam melindungi industri tempatan dan membangunkan ekonomi tempatan terutamanya pasca pandemik Covid-19. Penambahbaikan penguatkuasaan dasar barangan tempatan ini juga akan memberi kesan berganda kepada usaha pemulihan ekonomi negara melalui penyediaan peluang pekerjaan, meningkatkan keupayaan syarikat serta industri tempatan dan pengurangan kebergantungan kepada barangan import sekaligus menambahbaik kedudukan imbalan dagangan negara.

7. SOALAN DAN MAKLUM BALAS

- 7.1 Pada pandangan anda sejauh mana Dasar Barangan/Perkhidmatan Tempatan sedia ada membantu meningkatkan kapasiti industri tempatan terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk bersaing secara global. Apakah halangan yang dikenalpasti menyebabkan dasar ini dilihat kurang berjaya?
- 7.2 Bagaimana kaedah syarikat anda mempromosikan barangan/perkhidmatan kepada Kerajaan?. Mengenai cadangan agar diwujudkan satu pusat rujukan setempat yang akan mengumpulkan maklumat asas segala barangan/perkhidmatan yang dikeluarkan oleh syarikat tempatan. Cadangan supaya agensi Kerajaan untuk merujuk kepada platform ini untuk mendapatkan maklumat kesediaan barangan/perkhidmatan tempatan sebelum melaksanakan sebut harga/tender. Berikutan itu, apa pandangan anda ke atas cadangan ini?

- 7.3 Pada pandangan anda mengenai pihak berkuasa yang meluluskan perolehan import perlu dipusat kepada satu Kementerian atau diberi kuasa kepada semua Kementerian supaya proses pelaksanaan perolehan lebih efisien?
- 7.4 Antara isu utama yang wujud adalah perbezaan harga yang tinggi di antara barangan/perkhidmatan import dan tempatan. Pada pandangan anda, adakah pelaksanaan Keutamaan Harga (MOP) mampu mengatasi isu perbezaan harga ini? Jika tidak membantu, apakah cadangan yang boleh menyelesaikan isu ini?
- 7.5 Program Perjanjian *Off-Take* adalah merupakan salah satu inisiatif Kerajaan untuk membantu pihak industri tempatan menembusi pasaran antarabangsa sekali gus meningkatkan daya saing di peringkat global dengan membuktikan bahawa produk mereka telah dipasarkan dan digunakan terlebih dahulu dalam pasaran tempatan. Pada pandangan anda apakah kelemahan pelaksanaan program ini cadangan penambahbaikan?
- 7.6 Apakah pandangan anda berkenaan cadangan untuk mewujudkan takrifan barangan/tempatan yang standard berdasarkan peratusan kandungan tempatan supaya penggunaannya lebih meluas termasuk eksport? Adakah anda mempunyai cadangan tambahan ke atas perkara tersebut?
- 7.7 Cadangan-cadangan lain berkaitan penambahbaikan Dasar Barangan/Perkhidmatan Tempatan Dalam Perolehan Kerajaan (jika ada).

B. MEMPERKASA KEUPAYAAN SYARIKAT BUMIPUTERA MELALUI PENAMBAHBAIKAN DASAR DAN PERATURAN PEROLEHAN KERAJAAN

8. LATAR BELAKANG

Dasar Keutamaan Bumiputera Dalam Perolehan Kerajaan

8.1 Pada masa ini, inisiatif sedia ada yang digariskan di bawah dasar keutamaan syarikat Bumiputera melalui Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) adalah seperti berikut:

- i. Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan
 - a. Keutamaan pelawaan (*carve-out and compete*) perolehan bekalan dan perkhidmatan bernilai melebihi RM50 ribu sehingga RM100 ribu;
 - b. Keutamaan harga (*Margin of Preference – MOP*) bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan bernilai melebihi RM100 ribu sehingga RM15 juta;
 - c. Keutamaan harga (*Margin of Preference – MOP*) kepada pembuat/ pengilang Bumiputera bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan bernilai sehingga RM100 juta;
 - d. Keutamaan harga (*Margin of Preference – MOP*) kepada pengimport tunggal/ pemegang francais Bumiputera; dan
 - e. Perolehan di bawah Kontrak Pusat, Konsep Payung dan Skim Anak Angkat.
- ii. Perolehan Kerja
 - a. Lantikan terus kontraktor G1 Bumiputera bagi perolehan kerja bernilai sehingga RM20 ribu (*carve-out and compete*);

- b. Pengagihan perolehan kerja bernilai melebihi RM20 ribu sehingga RM200 ribu melalui Jadual Kadar Harga kepada kontraktor G1 (*carve-out and compete*);
 - c. Pengagihan perolehan kerja sekurang-kurangnya 50% bagi perolehan kerja dengan nilai melebihi RM200 ribu sehingga RM350 ribu (*carve-out and compete*);
 - d. Pengagihan kontrak sekurang-kurangnya 30% daripada nilai perolehan kerja tahunan (*carve-out and compete*); dan
 - e. Keutamaan harga bagi kerja pakar (Wang Kos Prima) bagi perolehan kerja melebihi RM200 ribu sehingga RM15 juta (*Margin of Preference – MOP*).
- iii. Lain-lain
- a. Rundingan terus dengan syarikat pembuat Bumiputera;
 - b. Perolehan bahan bakar di Semenanjung Malaysia;
 - c. Pembinaan bot/ kapal Kerajaan dengan limbungan/kontraktor tempatan; dan
 - d. Kemudahan pembayaran terus kepada subkontraktor Bumiputera.

Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030

8.2 Tindakan Pembangunan Bumiputera 2030 (TPB 2030) telah dilancarkan oleh Majlis Kemakmuran Bumiputera (MBK) melalui Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) pada 27 Januari 2021. TPB 2030 dibangunkan berdasarkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bertujuan merapatkan jurang

perbezaan ekonomi Bumiputera berbanding kumpulan etnik lain berteraskan prinsip kesaksamaan peluang dan kesaksamaan keberhasilan.

- 8.3 TPB 2030 menggariskan 6 bidang keutamaan (penyampaian perkhidmatan, modal insan, pemilikan kekayaan, keusahawanan, ekuiti korporat dan tanah rizab Melayu/waqaf/adat); 7 aktiviti utama pertumbuhan ekonomi (Hab kewangan Islam, ekonomi digital, logistik/pengangkutan/kelestarian mobiliti, pelancongan, pertanian/komoditi, Hab Halal/Makanan, Pembuatan); dan 6 sasaran (pendapatan isi rumah, gaji/upah penengah, aset kewangan per kapita, penglibatan dalam pekerjaan mahir, sumbangan kepada KDNK, pemilikan kediaman) menjelang tahun 2030.
- 8.4 Pelaksanaan dasar Bumiputera dalam perolehan Kerajaan mendukung matlamat TPB2030 melalui mempercepatkan pertumbuhan sosioekonomi, pemilikan ekuiti korporat dan meningkatkan daya tahan dan kemampuan syarikat.

Kajian Impak Dasar Keutamaan Syarikat Bumiputera Dalam Perolehan Kerajaan

- 8.5 TERAJU melalui perunding KPMG Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) telah melaksanakan Kajian Impak Dasar Keutamaan Syarikat Bumiputera Dalam Perolehan Kerajaan mulai Jun 2020 hingga Januari 2021 bertujuan menilai keberkesanan dan kesan pelaksanaan setiap dasar tersebut ke atas syarikat Bumiputera bagi membantu Kerajaan mengkaji semula program sedia ada dan membangunkan program yang bersesuaian.

9. ISU BERBANGKIT

9.1 Secara umumnya, antara hasil Kajian Impak Pelaksanaan Dasar Bumiputera Dalam Perolehan Kerajaan Terhadap Syarikat Bumiputera adalah seperti berikut:

- i. Dasar pengagihan (*carve-out and compete*) telah menunjukkan hasil yang positif apabila bilangan syarikat Bumiputera lebih dominan dalam perolehan Kerajaan;
- ii. Walau bagaimanapun, dasar tersebut kurang memberi impak kepada pertumbuhan dan pembangunan syarikat Bumiputera berdasarkan kedudukan berikut:
 - a. Majoriti iaitu 97.7% syarikat Bumiputera adalah berstatus mikro, kecil dan sederhana (*Micro, Small and Medium Enterprise – MSME*) yang hanya menyumbang 9% (Non-Bumi MSME:24%) kepada KDNK;
 - b. Keseluruhan sumbangan syarikat Bumiputera kepada KDNK hanyalah 24% berbanding 45% oleh syarikat BB;
 - c. Syarikat bukan Bumiputera memberikan nilai tambah sebanyak 25.3% lebih tinggi daripada syarikat Bumiputera;
 - d. Berdasarkan analisis ke atas lima sektor utama dalam perolehan Kerajaan pula iaitu pembinaan, keselamatan dan pertahanan, teknologi maklumat, farmaseutikal dan peralatan perubatan serta kebersihan dan pengurusan sisa, kajian menunjukkan seperti berikut:
 1. Pendapatan dan margin keuntungan syarikat Bumiputera adalah lebih rendah berbanding syarikat bukan Bumiputera.

Sungguhpun dalam keadaan di mana hasil pendapatan dan saiz kedua-duanya adalah hampir sama, syarikat Bumiputera masih merekodkan margin keuntungan yang lebih rendah;

2. Peningkatan pendapatan syarikat Bumiputera yang mendapat kontrak Kerajaan adalah lebih stabil, namun margin keuntungan syarikat Bumiputera tersebut adalah lebih rendah daripada syarikat Bumiputera yang tidak mendapat kontrak kerajaan kecuali untuk sektor farmaseutikal dan peralatan perubatan;
3. Bilangan syarikat *upstream* (pembuat/pengeluar) Bumiputera adalah jauh lebih rendah berbanding *midstream* (pengedar) dan *downstream* (kontraktor); dan
4. Inisiatif yang bertujuan membangunkan syarikat telah mengakibatkan kebergantungan syarikat terhadap kontrak Kerajaan (lebih 70% keuntungan berpunca daripada kontrak Kerajaan) walaupun telah menerima faedah daripada pelaksanaan dasar ini bagi tempoh yang lama.

10. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

10.1 Bagi memastikan impak pelaksanaan dasar lebih menjurus kepada aspek pertumbuhan dan pembangunan syarikat Bumiputera agar lebih berdaya saing dan mampan, cadangan penambahbaikan terhadap dasar keutamaan syarikat Bumiputera dalam perolehan Kerajaan dikenal pasti seperti berikut:

- i. Mewujudkan *Accelerator Program* Bagi Kontraktor G1 dan G2 Belia Bumiputera
 - a. Program ini bertujuan untuk meningkatkan peluang kontraktor belia (berumur 25 hingga 40 tahun dan mempunyai latar belakang teknikal) untuk menyertai industri pembinaan dan seterusnya mempercepatkan pembangunan kontraktor Bumiputera yang berdaya maju dan mampan.
 - b. Kontraktor belia yang berkelayakan akan berpeluang menyertai program pembangunan khusus bagi tempoh tertentu yang berfokuskan kepada latihan berstruktur, kemudahan pembiayaan dan dasar keutamaan (*carve-out and compete*) dalam perolehan Kerajaan.
 - c. Cadangan pelaksanaan *Accelerator Program* tersebut adalah seperti berikut:
 1. Kontraktor Belia G1
 - i. Khusus untuk kontraktor G1 baharu atau sedia ada berumur antara 25 hingga 40 tahun dengan latar belakang akademik teknikal daripada Universiti atau Institut Kemahiran dan memiliki Sijil Taraf Bumiputera (STB);
 - ii. Program latihan berstruktur di bawah CIDB/MEDAC bagi membangunkan kompetensi teknikal dan juga keusahawanan;
 - iii. Kemudahan pembiayaan kewangan melalui SME-Go Scheme, Skim CAKNA atau kemudahan lain bagi membantu aliran tunai;

- iv. Pengagihan kontrak sekurang-kurangnya 50% daripada nilai perolehan kerja tahunan (*carve-out and compete*) bagi perolehan secara lantikan terus dan undian; dan
- v. Penguatkuasaan polisi graduasi (*graduation policy*) dalam tempoh program berdasarkan pencapaian sasaran prestasi yang ditetapkan.

2. Kontraktor Belia G2

- i. Khusus untuk kontraktor G2 baharu atau sedia ada berumur antara 25 hingga 40 tahun dengan latar belakang akademik teknikal daripada Universiti atau Institut Kemahiran dan memiliki Sijil Taraf Bumiputera (STB);
- ii. Program latihan berstruktur di bawah CIDB/MEDAC bagi membangunkan kompetensi teknikal dan juga keusahawanan;
- iii. Kemudahan pembiayaan kewangan melalui SME-Go Scheme, Skim CAKNA atau kemudahan lain bagi membantu aliran tunai;
- iv. Pengagihan kontrak bernilai antara RM200 ribu hingga RM500 ribu (*carve-out and compete*) melalui sebut harga pra-kelayakan dua (2) peringkat di mana kontraktor belia G2 berpotensi disenarai pendek sebelum menyertai bidaan harga/undian; dan
- v. Penguatkuasaan polisi graduasi (*graduation policy*) dalam tempoh program berdasarkan pencapaian
- vi. sasaran prestasi yang ditetapkan.

- ii. Menambahbaik Pelaksanaan Kontrak Pusat/Kontrak Panel Berpusat Sebagai Platform Pembangunan
 - a. Antara matlamat pewujudan Kontrak Pusat/Kontrak Panel Berpusat adalah bagi menyediakan platform untuk membangunkan syarikat Bumiputera dalam sektor tertentu. Walau bagaimanapun, syarikat yang terlibat dilihat tidak memperolehi keuntungan yang sewajarnya setelah sekian lama menerima kontrak Kerajaan melalui program ini. Program ini dilihat sebagai program pengagihan kontrak semata-mata dan tidak membantu pertumbuhan dan pembangunan syarikat.
 - b. Sehubungan itu, bagi memastikan matlamat pembangunan keupayaan syarikat bumiputera dapat dicapai dan mengurangkan kebergantungan syarikat kepada kontrak Kerajaan, cadangan penambahbaikan adalah seperti berikut:
 - 1. Mewujudkan program pembangunan yang berstruktur berdasarkan tempoh tertentu bagi meningkatkan pertumbuhan, daya saing serta kemampanan syarikat seperti berikut:
 - i. Memperkenalkan sasaran prestasi seperti pengurangan kos, peningkatan kualiti produk dan peningkatan pendapatan daripada kontrak swasta; dan
 - ii. Menguatkuasakan polisi graduasi (*graduation policy*) berdasarkan pencapaian sasaran prestasi yang akan membenarkan lebih ramai syarikat Bumiputera untuk mendapat manfaat daripada dasar keutamaan syarikat Bumiputera dalam perolehan Kerajaan

dengan memberi peluang penyertaan mereka setelah syarikat sedia ada mencapai tahap prestasi yang ditetapkan atau tidak menunjukkan prestasi memuaskan dalam tempoh program.

2. Mengenalpasti item Kontrak Pusat/Kontrak Panel Berpusat yang baharu berdasarkan sektor khusus dan strategik bagi meningkatkan lagi penguasaan Bumiputera dalam perniagaan dan seterusnya menerima manfaat pertumbuhan dan pembangunan daripada program ini.
- iii. Menambahbaik Pelaksanaan Skim Anak Angkat /Skim Panel Pembuat Bumiputera (SAA/SPPB) Dalam Sektor Penjagaan Kesihatan
 - a. SAA/SPBB yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertujuan untuk membangunkan keupayaan pembuat/pengilang Bumiputera bagi membekalkan ubat dan peralatan perubatan untuk memenuhi keperluan sistem penjagaan kesihatan negara. Melalui program ini, item di bawah *Approved Product Purchase List* (APPL) akan diperolehi secara terus daripada syarikat di bawah SAA atau beberapa syarikat di bawah SPPB.
 - b. Persaingan yang sihat dan kompetitif dalam kalangan syarikat Bumiputera selepas graduasi juga akan memberikan faedah kepada Kerajaan melalui tawaran harga terbaik.
 - c. Berdasarkan pelaksanaan SAA/SPPB, kadar harga per item dalam sesuatu kontrak adalah berdasarkan anggaran yang dibuat oleh syarikat mengikut nilai kontrak keseluruhan. Walau bagaimanapun, pembelian yang dibuat oleh Kerajaan adalah hanya berdasarkan keperluan sebenar dan nilai kontrak tidak mengikat Kerajaan. Oleh itu, wujud situasi pembelian adalah

kurang berbanding nilai kontrak keseluruhan. Situasi ini memberi kesan kepada aliran tunai dan kedudukan kewangan syarikat.

- d. Selain itu, terdapat juga keperluan untuk mewujudkan program pembangunan berstruktur untuk syarikat yang dikenalpasti bagi meningkatkan pertumbuhan, daya saing dan kemampuan syarikat.
- e. Sehubungan itu, cadangan ini boleh dilaksanakan seperti berikut:
 1. Mengkaji semula terma kontrak sedia ada bagi mewujudkan model penetapan harga yang lebih adil iaitu berdasarkan model penetapan harga berperingkat; dan
 2. Mewujudkan program pembangunan yang berstruktur berdasarkan tempoh tertentu bagi meningkatkan pertumbuhan, daya saing serta kemampuan syarikat seperti berikut:
 - i. Memperkenalkan sasaran prestasi seperti pengurangan kos, peningkatan kualiti produk dan peningkatan pendapatan daripada kontrak swasta; dan
 - ii. Menguatkuasakan polisi graduasi (*graduation policy*) berdasarkan pencapaian sasaran prestasi yang akan membenarkan lebih ramai syarikat Bumiputera untuk mendapat manfaat daripada dasar keutamaan syarikat Bumiputera dalam perolehan Kerajaan dengan memberi peluang penyertaan mereka setelah syarikat sedia ada mencapai tahap prestasi yang

ditetapkan atau tidak menunjukkan prestasi memuaskan dalam tempoh program.

- iv. Menambahbaik Pelaksanaan Program Kolaborasi Industri (*Industrial Collaboration Program – ICP*)
 - a. ICP menyediakan platform pembangunan teknologi, industri dan ekonomi secara keseluruhan bagi meningkatkan daya saing dan kemampanan negara.
 - b. Walaupun pelaksanaan ICP telah memberikan impak yang baik terhadap syarikat Bumiputera di mana pada ketika ini penerima ICP di kalangan syarikat Bumiputera adalah sebanyak 45.5%, beberapa cadangan penambahbaikan telah dikenalpasti bagi meningkatkan lagi impak tersebut seperti berikut:
 1. Memberikan pengganda ICP lebih tinggi terhadap pelaksanaan ICP melibatkan syarikat Bumiputera demi mengalakkan penyedia ICP untuk mengenalpasti penerima ICP dalam kalangan syarikat Bumiputera seterusnya meningkatkan lagi penerima ICP syarikat Bumiputera;
 2. Menetapkan sasaran 50% daripada penerima ICP bagi sesuatu kontrak adalah terdiri daripada syarikat Bumiputera; dan
 3. Mengkaji semula nilai ambang ICP mengikut sektor tertentu bagi meningkatkan bilangan perolehan yang melaksanakan ICP demi membolehkan lebih ramai penerima ICP dalam kalangan syarikat Bumiputera.

- v. Memantapkan Tadbir Urus Pelaksanaan Dasar Perolehan Kerajaan
- a. Bagi meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan dasar keutamaan syarikat Bumiputera untuk memastikan impak terhadap pertumbuhan, pembangunan, daya saing dan kemampuan syarikat Bumiputera dapat dioptimumkan, tadbir urus pelaksanaan dasar perlu ditambah baik.
- b. Demi merealisasikan hasrat tersebut, beberapa cadangan penambahbaikan telah dikenalpasti seperti berikut:
1. Mengenal pasti Agensi Penyelaras Pusat (*Central Coordinating Agency - CCA*)

Pada masa ini, tiada agensi khusus yang bertanggungjawab memantau perkembangan dan prestasi syarikat Bumiputera setelah mendapat kontrak Kerajaan, maka impak pelaksanaan polisi berkaitan Bumiputera tersebut tidak dipastikan keberkesanannya. Justeru itu, MoF berpandangan terdapat keperluan untuk mengenapasti CCA yang akan berfungsi seperti berikut:

- i. Menggunakan kepakaran dalam bidang kewangan bagi melaksanakan penilaian prestasi tahunan secara berstruktur ke atas syarikat Bumiputera yang berjaya mendapat kontrak Kerajaan;
- ii. Menganalisis dari masa ke semasa dan memberikan maklum balas yang membina supaya syarikat Bumiputera berkenaan dapat memperbaiki margin keuntungan melalui pengurusan kos operasi yang lebih efisien, langkah peningkatan produktiviti atau

- penggunaan teknologi, agar setanding dengan syarikat lain yang beroperasi dalam industri yang sama;
- iii. Memantau keseluruhan rantai nilai dalam sesuatu perolehan agar benar-benar memanfaatkan syarikat Bumiputera dari peringkat *upstream*, *mid-stream* dan *down stream*; dan
 - iv. Mengenal pasti cabaran yang mengekang perkembangan syarikat Bumiputera dan mengesyorkan cadangan penambahbaikan dasar Bumiputera dalam perolehan Kerajaan berdasarkan data dan fakta.
2. Menambahbaik Proses Pemberian Taraf Bumiputera Dengan Mewajibkan Pengisytiharan Pemunya Benifisial (*Beneficial Ownership - BO*)

Penambahbaikan proses pengeluaran Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) perlu dilaksanakan dengan mewajibkan pengisytiharan BO oleh semua syarikat Bumiputera bertujuan untuk memastikan pemilikan sebenar syarikat oleh individu Bumiputera seperti mana tertera dalam sijil serta mengelakkan amalan “Ali-Baba” atau *fronting practices*.

11. JANGKAAN IMPAK

11.1 Cadangan penambahbaikan ini dijangka dapat memberikan impak positif antaranya seperti berikut:

- i. Meningkatkan pertumbuhan sosioekonomi komuniti usahawan Bumiputera melalui penyertaan dalam perolehan kerajaan;
- ii. Membangunkan keupayaan dan kompetensi syarikat Bumiputera melalui program pembangunan khusus dan berstruktur;
- iii. Meningkatkan daya saing syarikat Bumiputera dalam sektor khusus yang berpotensi;
- iv. Mengurangkan kebergantungan syarikat Bumiputera kepada kontrak Kerajaan melalui program graduasi;
- v. Memastikan komuniti usahawan Bumiputera yang tulen menerima manfaat sepenuhnya terhadap pelaksanaan dasar melalui penguatkuasaan pengisytiharan BO; dan
- vi. Meningkatkan kemampuan syarikat Bumiputera jangka panjang melalui pemantauan prestasi kewangan oleh Agensi Penyelaras Pusat (CCA).

11.2 Apabila syarikat Bumiputera yang berjaya mendapat kontrak Kerajaan melalui dasar keutamaan Bumiputera mendapat manfaat di atas, MOF yakin sumbangan syarikat Bumiputera kepada KDNK akan meningkat daripada tahap 24%¹ ke suatu tahap yang lebih tinggi dan merapatkan jurang dengan tahap sumbangan syarikat Bukan Bumiputera kepada KDNK (47%).

¹ Kajian Impak Dasar Keutamaan Syarikat Bumiputera Dalam Perolehan Kerajaan menunjukkan keseluruhan sumbangan syarikat Bumiputera kepada KDNK adalah 24%.

12. RUMUSAN

- 12.1 Secara keseluruhannya, dasar keutamaan syarikat Bumiputera sedia ada dalam perolehan Kerajaan telah mencapai sebahagian daripada matlamat yang ditetapkan iaitu peningkatan pemilikan atau bilangan syarikat. Walau bagaimanapun, ia didapati lebih menumpukan kepada agihan kontrak semata-mata dengan anggapan syarikat Bumiputera akan terus berkembang melalui peluang yang diberikan tanpa menitik beratkan aspek pembangunan syarikat.
- 12.2 Oleh itu, inisiatif penambahbaikan yang dicadangkan adalah tertumpu kepada meyokong pertumbuhan, pembangunan serta peningkatan daya saing dan kemampuan syarikat demi menyokong inisiatif meningkatkan keterangkuman (*inclusivity*) komuniti untuk membina semula daya tahan (*rebuilding resilience*) negara.

13. SOALAN DAN MAKLUM BALAS

- 13.1 Pada pandangan anda sejauh mana keberkesanan Dasar Keutamaan Syarikat Bumiputera dalam perolehan Kerajaan sedia ada berjaya membantu meningkatkan kapasiti syarikat Bumiputera untuk lebih kompetitif. Apakah halangan yang dikenalpasti menyebabkan dasar ini dilihat kurang berjaya?
- 13.2 Apakah mekanisme keutamaan Bumiputera sedia ada seperti *Carve-Out and Compete*, keutamaan harga dan beberapa keistimewaan lain adalah mencukupi untuk membantu syarikat Bumiputera?. Cadangan anda untuk meningkatkan keberkesanan dasar ini?
- 13.3 Pada pandangan anda mengenai cadangan *Accelerator Program* Bagi Kontraktor G1 dan G2 Belia Bumiputera. Adakah cadangan ini mampu meningkatkan kapasiti G1 dan G2 Bumiputera untuk bersaing dengan kontraktor lain?. Bagaimana dengan polisi graduasi yang bermakna kontraktor G1 dan G2 Belia hanya dibenarkan kekal di dalam gred tersebut

bagi sesuatu tempoh sahaja dan kemudiannya perlu berpindah kepada gred yang lebih tinggi?

- 13.4 Adakah penguatkuasaan BO di peringkat permohonan dan pembaharuan penarafan Bumiputera mampu menjamin keabsahan pemilikan oleh Bumiputera semasa kontrak Kerajaan ditandatangani dan berkuatkuasa?
- 13.5 Apa pandangan anda mengenai cadangan untuk mewujudkan item-item baharu bagi Kontrak Pusat/Kontrak Sistem Panel sedia ada bagi sektor terpilih bagi meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam perniagaan?. Cadangan anda mengenai item-item tersebut?
- 13.6 Adakah cadangan untuk menambah baik skim anak angkat dapat membantu syarikat Bumiputera seperti anda? Jika tidak membantu, apakah aspek yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan?
- 13.7 Apa pandangan anda dengan cadangan mewujudkan Agensi Penyelaras Pusat (*Central Coordinating Agency - CCA*) bagi memantau perkembangan dan prestasi syarikat Bumiputera setelah mendapat kontrak Kerajaan?. Apakah agensi tersebut pada pandangan anda?
- 13.8 Pandangan anda tentang cadangan mewajibkan Pengisytiharan Pemunya Benifisial (*Beneficial Ownership - BO*) semasa proses permohonan/pembaharuan pendaftaran syarikat bagi mengelakkan amalan kartel, Ali-Baba atau *fronting practices*? Apakah aspek yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan?
- 13.9 Cadangan-cadangan lain berkaitan penambahbaikan Dasar Keutamaan Syarikat Bumiputera dalam Perolehan Kerajaan (jika ada).

TAMAT
